Jaya Letchumi a/p KK Kuttan lwn Pengarah Negeri Jabatan Insolvensi Malaysia (cawangan Negeri Sembilan) (No 2)

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — SAMAN PEMULA NO 24 NCVC-117–10 TAHUN 2013
CHE MOHD RUZIMA PK
8 DISEMBER 2014

Prosedur Sivil — Saman pemula — Tuntutan untuk milikan — Plaintif menyewa peti simpanan untuk menyimpan barang kemas di bank di bawah nama si bankrap sebagai penyewa — Bank menggantung hak plaintif untuk mengakses peti simpanan — Plaintif mengemukakan penjelasan melalui surat bahawa kesemua barang kemas adalah peninggalan pusaka mendiang ibu dan mendiang suaminya — Jabatan Insolvensi Malaysia meletak hak 50% barang kemas dalam peti simpanan sebagai milik si bankrap dengan alasan bahawa plaintif gagal membuktikan tuntutannya — Sama ada milikan harta dibuktikan oleh pihak ketiga — Sama ada penjelasan dan bukti sokongan dipertimbangkan sewajarnya — Sama ada si bankrap hanya pemegang amanah kepada harta pihak ketiga — Akta Kebankrapan 1967 s 48(1)(a)(i)

Plaintif telah menyewa satu peti simpanan dengan Bank OCBC di bawah namanya dengan anak saudaranya ('si bankrap') sebagai penyewa bersama yang digunakannya bagi menyimpan barang kemas. Pihak bank telah menggantung hak plaintif untuk mengakses kepada peti simpanan tersebut. Atas permintaan defendan untuk mengemukakan bukti bahawa semua barang kemas tersebut adalah kepunyaannya, plaintif telah mengemukakan penjelasan melalui surat bahawa kesemua barang kemas tersebut adalah peninggalan pusaka mendiang ibu dan mendiang suaminya. Defendan tetap telah meletak hak 50% barang kemas dalam peti simpanan tersebut sebagai milik si bankrap dengan alasan bahawa plaintif gagal membuktikan tuntutannya. Akibatnya, plaintif terpaksa membeli separuh daripada barang kemas yang hendak diletak hak oleh defendan kepada si bankrap dan kemudian memfailkan saman pemula terhadap defendan. Isu-isu yang timbul adalah sama ada mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan tindakan ini dan sama ada defendan boleh dinamakan sebagai pihak kepada tindakan; dan sama ada tindakan defendan membuat keputusan untuk meletak hak 50% daripada nilai barang kemas dalam peti simpanan tersebut sebagai milik si bankrap bagi diagihkan kepada pemiutang si bankrap adalah wajar dan selaras dengan kuasa yang ada pada defendan.

Diputuskan, membenarkan tuntutan plaintif:

(1) Di bawah s 41 Akta Relief Spesifik 1950 ('ARS') plaintif boleh memulakan suatu guaman terhadap defendan bagi mendapatkan perintah deklarasi dan perintah susulan untuk mendapatkan kembali wang nilaian barang kemas yang diletak hak kepada si bankrap oleh defendan. Plaintif, yang merupakan 'stranger' dalam tindakan kebankrapan yang telah difailkan terhadap orang lain, boleh mengambil tindakan atau memulakan guamannya terhadap defendan di bawah suatu peruntukan undang-undang yang lain, selain daripada Akta 360 (lihat perenggan 15 & 17).

(2) Asas tindakan plaintif adalah terhadap keputusan defendan yang dikatakan telah menafikan haknya ke atas harta kepunyaannya sendiri. Jelas bahawa tindakan plaintif bukan berdasarkan tindakan dalam satu kes kebankrapan. Oleh itu defendan boleh diambil tindakan atas nama rasmi jawatan semasa tanpa merujuk kepada nama si bankrap dan peruntukan s 83 Akta 360 tidak terpakai. Sekiranya harta tersebut milik si bankrap, ia adalah jelas dan mudah dan defendan boleh meletak hak harta tersebut kepada dirinya untuk diagihkan kepada pemiutang. Sekiranya harta si bankrap berada dalam tangan pihak ketiga, undang-undang memberi kuasa kepada defendan untuk meminta pihak ketiga menyerahkan harta tersebut untuk tujuan pengagihan. Defendan, setelah dimaklumkan oleh pihak bank, berhak mendapatkan barang kemas tersebut sekiranya harta tersebut milik bersama plaintif dan si bankrap. Tindakan defendan yang meminta plaintif untuk membuktikan kepunyaan ke atas barang kemas tersebut adalah tindakan yang betul berdasarkan kuasa yang ada pada defendan (lihat perenggan 18 & 23).

(3) Keputusan yang dibuat oleh defendan telah gagal memberikan pertimbangan sewajarnya kepada penjelasan yang telah dikemukakan oleh plaintif melalui surat-suratnya dan juga akuan bersumpah si bankrap yang menafikan kepunyaan barang kemas dalam peti simpanan tersebut. Fakta yang menunjukkan kesemua barangan yang disimpan adalah barang kemas selari dengan dakwaan plaintif yang menyatakan barang-barang tersebut adalah miliknya (lihat perenggan 26).

(4) Plaintif tidak boleh dianggap tidak memiliki 50% daripada barang kemas tersebut semata-mata kerana telah bersetuju membelinya balik daripada defendan. Penjelasan plaintif bahawa harta tersebut mempunyai nilai sentimental kepadanya kerana ia adalah peninggalan mendiang ibu dan mendiang suaminya selari dengan fakta tentang kesanggupan plaintif membeli balik harta tersebut kerana takut akan kehilangan harta tersebut buat selama-lamanya. Oleh itu, keputusan untuk meletak hak 50% barang kemas yang ada dalam peti simpanan tersebut adalah suatu keputusan yang telah menjejaskan hak kepunyaan plaintif ke atas hartanya (lihat perenggan 28 & 30).

A **[English summary**

The plaintiff had rented a safe deposit box from OCBC Bank under her nephew's name ('the bankrupt') as the co-depositor to be used for the safekeeping of jewelleries. The bank had suspended the plaintiff's right to access the said safe deposit. Upon request by the defendant to adduce evidence that the jewelleries were hers, the plaintiff brought forth an explanation via letter that all the jewelleries were heirlooms inherited by her late mother and husband. The defendant adamantly vested that 50% of the jewelleries in the safe deposit as belonging to the bankrupt on the ground that the plaintiff failed to establish her claim. Consequently, the plaintiff had to buy half of the jewelleries which were vested by the defendant to the bankrupt and subsequently filed an originating summon against the defendant. The issues that arose were whether the court had the jurisdiction to hear and decide this action and whether the defendant could be named as the party to the action; and whether the defendant's decision to vest 50% of the value of the jewelleries in the safe deposit as belonging to the bankrupt to be divided to the bankrupt creditor was ordinate and consistent with the power vested upon the defendant.

Held, allowing the plaintiff's claim:

(1) Under s 41 of the Specific Relief Act 1950 ('the SRA'), the plaintiff could initiate a suit against the defendant to obtain a declaration and subsequent order to recover the value of the jewelleries vested upon the bankrupt by the defendant. The plaintiff, who was the stranger in the bankruptcy action filed by another person, could take an action or initiate a suit against the defendant under other provisions of law, aside from Act 360 (see paras 15 & 17).

(2) The ground of the plaintiff's suit was against the defendant's decision which was said to have denied her right over her own property. It was clear that the plaintiff's action was not based on an action in a bankruptcy case. Hence, an action could be taken against the defendant in its current official position referring to the name of the bankrupt and provision s 83 of Act 360 was not applicable. If the property belonged to the bankrupt, it was clear and easy and the defendant could vest the property to her himself to be divided to the creditor. If the bankrupt's property was in a third party's hand, the law gave power to the defendant to recover the same from the third party for the purpose of division. The defendant, having been informed by the bank, had the right to recover the jewelleries if the property was co-owned by both the plaintiff and the bankrupt. The defendant's conduct in requesting from the plaintiff to prove the ownership of the jewelleries was correct based on the power vested on the defendant (see paras 18 & 23).

(3) The decision made by the defendant failed to give due consideration to

the explanation provided by the plaintiff in his correspondences and the statutory declaration of the bankrupt denying ownership of the jewelleries in the said safe deposit. The fact that showed that all the properties kept were jewelleries was consistent with the plaintiff's claim that stated that the property was hers (see para 26).

(4) The plaintiff could be regarded as not owning 50% of the jewelleries merely because she agreed to repurchase from the defendant. The plaintiff's explanation that the property had a sentimental value to her as it an heirloom from her late mother and husband was consistent with the fact that the plaintiff's ability to repurchase the said property for of losing the property forever. Hence, the decision to vest 50% of the jewelleries in the safe deposit was a decision that could affect the plaintiff's right over her property (see paras 28 & 30).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai tuntutan milikan, lihat 2 *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 6345–6347.

Kes-kes yang dirujuk

Caxton (Kelang) Sdn Bhd v Susan Joan Labrooy & Anor [1988] 2 MLJ 604; [1987] CLJ (Rep) 504 (dirujuk)
Chew Kean Kor v Beh Seng Siew [1958] 1 MLJ 149
Ellis v Silber LR 8 Ch App 83 (dirujuk)
Juta Damai Sdn Bhd v Permodalan Negeri Selangor Bhd [2014] 5 MLJ 676; [2014] 5 CLJ 318, MR (dirujuk)
Murli a/l Naraindas v Sajni Bai a/p Bulchand [2012] 9 MLJ 10, MT (dibeza)
Re Mohan Singh Exparte The Official Assignee [1940] 1 MLJ 268; [1940] 1 LNS 85 (dirujuk)
Saratogoa Sdn Bhd v Pentadbir Tanah Johor Bahru [2013] 4 MLJ 431, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kebankrapan 1967 ss 24, 48(1)(a)(i), 55, 60, 86, 91(1)
Akta Relief Spesifik 1950 s 41
Kaedah- Kaedah Kebankrapan 1969 k 188
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 19 (1)(a), (b), (d)
Perlembagaan Persekutuan Perkara 13(1)

Surendran (S Surendran & Co) bagi pihak plaintif.
Ahmad Mutaqin (Peguam Kanan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak defendan.

Che Mohd Ruzima PK:

PENGENALAN

[1] Plaintif telah membuat tuntutan kepada mahkamah untuk relif-relif berikut:

(a) suatu deklarasi bahawa barangan di dalam peti simpanan deposit yang disewa atas nama plaintif dan si bankrap adalah dimiliki sepenuhnya oleh plaintif;

(b) suatu deklarasi bahawa defendan secara salah telah meletak hak ke atas 50% daripada barangan yang terkandung dalam peti simpanan deposit yang disewa di atas nama plaintif dan si bankrap;

(c) suatu deklarasi bagi defendan secara salah telah meletakkan beban untuk membuktikan bahawa barangan dalam peti simpanan deposit tersebut di atas plaintif;

(d) suatu deklarasi bahawa defendan secara salah telah menjual balik 50% daripada barangan yang terkandung didalam peti simpanan deposit tersebut kepada plaintif;

(e) bahawa defendan membayar balik plaintif RM61,235 (Ringgit Malaysia enam puluh satu ribu dua ratus tiga puluh lima) yang merupakan 50% daripada nilai keseluruhan barangan dalam peti simpanan deposit tersebut yang dirampas oleh defendan;

(f) kos; dan

(g) apa-apa atau lain relif difikirkan suai manfaat oleh mahkamah mulia ini.

[2] Defendan telah mengemukakan bantahan awal yang kemudiannya disusuli dengan pemfailan suatu permohonan untuk membatalkan saman pemula plaintif di bawah A 18 k 19 (1)(a) atau (b) atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Permohonan defendan telah ditolak oleh mahkamah dan defendan telah mengemukakan rayuan. Defendan kemudiannya menarik balik rayuan tersebut dan saman pemula ini ditetapkan untuk pendengaran.

FAKTA RINGKAS TINDAKAN

[3] Plaintif telah menyewa satu peti simpanan dengan Bank OCBC di Teluk Intan (peti simpanan tersebut) di atas nama beliau dan juga anak saudaranya, Sathumathavan a/l Kalatharan sebagai penyewa bersama. Peti simpanan tersebut digunakan bagi menyimpan barang kemas.

[4] Suatu perintah penerimaan dan perintah penghukuman telah dijatuhkan terhadap Sathumathavan (si bankrap) di Mahkamah Tinggi

Seremban atas petisyen RHB Leasing Sdn Bhd pada 16 Februari 2011.

[5] Pada 23 Mei 2011 pihak bank telah memaklumkan plaintif bahawa penyewa bersama telah bankrap dan di atas arahan defendan, pihak bank telah menggantung hak plaintif untuk akses kepada peti simpanan tersebut.

[6] Plaintif setelah itu telah mengatakan bahawa pihaknya telah banyak kali memberi penjelasan bahawa kesemua barang kemas yang ada dalam peti simpanan tersebut adalah miliknya dan tidak ada satu pun kepunyaan si bankrap.

[7] Pada 9 Ogos 2011, defendan telah meminta plaintif mengemukakan bukti bahawa semua barang kemas dalam peti simpanan tersebut adalah kepunyaannya. Plaintif telah mengemukakan penjelasan melalui surat bertarikh 12 September 2011 yang menjelaskan bahawa barang kemas di dalam peti simpanan tersebut adalah miliknya peninggalan pusaka mendiang ibu dan mendiang suami. Plaintif turut mengemukakan sesalinan surat akuan bersumpah yang diikrarkan oleh si bankrap bertarikh 24 Ogos 2011 yang menegaskan barangan di peti simpanan tersebut bukan miliknya.

[8] Namun begitu defendan masih membuat keputusan untuk meletak hak 50% barang kemas di dalam peti simpanan tersebut sebagai milik si bankrap dengan alasan plaintif gagal membuktikan tuntutannya.

[9] Pada 10 November 2011 pihak defendan telah membuat penilaian ke atas barang kemas yang ada di dalam peti simpanan tersebut. Oleh kerana takut akan kehilangan barang kemas tersebut, plaintif telah terpaksa membeli balik separuh daripada barang kemas yang hendak diletak hak oleh defendan kepada si bankrap dengan harga RM61,235. Tidak berpuas hati dengan tindakan defendan tersebut plaintif memfailkan saman pemula ini.

ISU

[10] Isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama isu yang dibangkitkan di dalam bantahan awal dan permohonan untuk membatalkan saman pemula di bawah A 18 k 19(1)(a) atau (b) atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 iaitu;

(a) sama ada mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan tindakan ini; dan

(b) sama ada defendan boleh dinamakan sebagai pihak kepada tindakan.

Bahagian kedua ialah di peringkat pendengaran saman pemula iaitu sama ada tindakan defendan membuat keputusan untuk meletak hak 50% daripada

nilai barang kemas dalam peti simpanan tersebut sebagai milik si bankrap bagi diagihkan kepada pemiutang si bankrap adalah wajar dan selaras dengan kuasa yang ada pada defendan.

DAPATAN MAHKAMAH

Bahagian Pertama

(a) Bidang Kuasa

[11] Walaupun pihak defendan telah menarik balik rayuan selepas mahkamah menolak bantahan awal dan permohonan untuk membatalkan tindakan pihak plaintif di bawah A 18 k 19 (1)(a) atau (b) atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, saya berpandangan bahawa persoalan tentang bidang kuasa mahkamah yang dibangkitkan perlulah juga diputuskan diperingkat Mahkamah Rayuan. Dari semakan yang dibuat, isu mengenai bidang kuasa mahkamah selain dari mahkamah kebankrapan memutuskan permohonan yang berkaitan dengan pertikaian berkaitan tuntutan pihak ketiga terhadap harta yang diletak hak oleh defendan masih belum diputuskan lagi oleh mana-mana mahkamah. Oleh itu sewajarnyalah isu ini dibangkitkan dan diputuskan diperingkat Mahkamah Rayuan bagi dijadikan panduan kepada tindakan yang serupa selepas ini.

[12] Bagi tujuan alasan penghakiman ini saya ingin memetik semula sebahagian daripada alasan penghakiman yang telah saya kemukakan sebelum ini semasa membuat keputusan di peringkat interlokutori. Pihak defendan telah merujuk kepada beberapa peruntukan di bawah Akta Kebankrapan 1967 (Akta 360) bagi menafikan tindakan plaintif membawa tuntutan ini melalui saman pemula. Berhubung dengan pentadbiran harta si bankrap, defendan menyatakan plaintif hendaklah memulakan tindakannya di mahkamah kebankrapan yang mempunyai kuasa seperti yang diperuntukkan di bawah sub-s 91(1) Akta 360. Untuk memudahkan rujukan, peruntukan tersebut adalah seperti mana berikut:

> Section 91 General power of bankruptcy courts.
>
> (1) Subject to this Act, the court, under its jurisdiction in bankruptcy, shall have full power to decide all questions of priorities and all other questions whatsoever, whether of law or fact, which may arise in any case of bankruptcy coming within the cognizance of the court, or which the court deems it expedient or necessary to decide for the purpose of doing complete justice or making a complete distribution of property in any such case.

Defendan juga merujuk kepada peruntukan k 188 Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969, yang memperuntukkan kaedah berikut:

Rule 188. Claims to property in hands of Official Assignee to be determined in summary way on summons.

When any property of any kind shall be seized or otherwise taken possession of by the Official Assignee under any interim receiving order, receiving order, or order of adjudication, and such property is claimed by any person other than the debtor, such claim may be determined by the Court in a summary way upon a summons to decide the title to such property to be taken out by such claimant against the Official Assignee or by the Official Assignee against such claimant. Provided always that the Court may, on the hearing of such summons, make such order for the trial and determination of the rights of the parties as it shall think expedient, and for the custody or sale in the meanwhile of the property in dispute, and the costs thereof.

Di samping itu, s 86 Akta 360 memperuntukkan peruntukan mengenai rayuan terhadap keputusan defendan juga dirujuk:

Section 86 Appeal to court against Director General of Insolvency.

If the bankrupt or any of the creditors or any other person is aggrieved by any act or decision of the Director General of Insolvency, he may apply to the court, and the court may confirm, reverse or modify the act or decision complained of and make such order in the premises as it thinks just.

[13] Daripada peruntukan undang-undang yang dinyatakan di atas, terutamanya s 86 Akta 360, adalah tidak dinafikan bahawa mahkamah kebankrapan mempunyai bidang kuasa bagi menentukan persoalan yang menjadi pertikaian di antara plaintif dan defendan. Plaintif boleh merayu terhadap keputusan defendan meletak hak separuh dari nilaian barang kemas di dalam peti simpanan tersebut yang di sewa bersama si bankrap di atas kapasitinya sebagai orang yang terkilan dengan keputusan tersebut. Itu sekiranya plaintif ingin mengemukakan rayuan. Saya berpandangan bahawa perkataan yang digunakan di dalam s 86 Akta 360 adalah berbentuk pilihan. Peruntukan '... or any other person is aggrieved by any act or decision of the Director General of Insolvency, he may apply to the court, ...' jelas menunjukkan plaintif 'boleh memohon' dan sekiranya niat penggubal undang-undang hendak menjadikan permohonan tersebut mandatori, sudah tentulah peruntukan plaintif 'hendaklah memohon' digunakan. Sekiranya permohonan dibuat, mahkamah kebankrapan bolehlah sama ada mengesah, mengakas atau mengubah keputusan yang dipertikaikan tersebut. Itulah bidang kuasa yang diberikan undang-undang kepada mahkamah kebankrapan.

[14] Berbalik kepada permohonan saman pemula plaintif, pihak plaintif telah memohon relif dalam bentuk perintah deklarasi dan tuntutan ganti rugi. Plaintif memohon, di antara lainnya ialah untuk perintah deklarasi bahawa barang kemas di dalam peti simpanan tersebut yang disewa atas nama plaintif dan si bankrap adalah dimiliki sepenuhnya oleh plaintif. Oleh itu plaintif

menuntut ganti rugi dari defendan dengan menuntut kembali wang yang telah dibayar bagi menebus barang kemas yang diletak hak kepada si bankrap oleh defendan. Perlu diperhatikan bahawa ada undang-undang lain yang membolehkan pemilik harta memulakan suatu guaman terhadap mana-mana orang yang menafikan hak terhadap hartanya tersebut. Seksyen 41 Akta Relief Spesifik 1950 (Akta 137) di bawah Bab VI bertajuk 'DECLARATORY DECREES' telah memperuntukkan:

> Discretion of court as to declaration of status or right
>
> 41. Any person entitled to any legal character, or to any right as to any property, may institute a suit against any person denying, or interested to deny, his title to the character or right, and the court may in its discretion make therein a declaration that he is so entitled, and the plaintiff need not in that suit ask for any further relief: Provided that no court shall make any such declaration where the plaintiff, being able to seek further relief than a mere declaration or title, omits to do so. (penekanan ditambah)

[15] Dalam kes *Caxton (Kelang) Sdn Bhd v Susan Joan Labrooy & Anor* [1988] 2 MLJ 604; [1987] CLJ (Rep) 504, Hakim Siti Normah (pada masa itu) setelah merujuk kepada buku *Declaratory Order*, edisi kedua yang ditulis oleh P W Young membuat keputusan berikut:

> PW Young in his book on '*Declaratory Orders*', 2nd Ed, defines a declaratory judgment as one that does not involve a cause of action in the usual sense and that 6 factors must be present before there can be a declaratory order. These are
>
> (1) there must exist a controversy between the parties.
>
> (2) the proceedings must involve a 'right'.
>
> (3) the proceedings must be brought by a person who has a proper or tangible interest in obtaining the order, which is usually referred to as 'standing' or locus standi.
>
> (4) the controversy must be subject to the Court's jurisdiction.
>
> (5) the defendant must be a person having a proper or tangible interest in opposing the plaintiffs claims.
>
> (6) the issue must be ripe, ie it must not be of academic interest, hypothetical or one whose resolution would be of no practical utility.

All these six conditions are met by the facts of this case and there is therefore no merit to the defendants' contention that the plaintiff's claims cannot be maintained.

Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang tersebut, dan prinsip kes yang diputuskan di atas, saya berpandangan bahawa plaintif boleh memulakan suatu guaman terhadap defendan bagi mendapat perintah deklarasi dan

perintah susulan untuk mendapat kembali wang nilaian barang kemas yang diletak hak kepada si bankrap oleh defendan.

[16] Persoalan yang timbul adalah sama ada pihak mahkamah tertakluk kepada proviso s 41 Akta 137 yang memperuntukkan '*Provided that no court shall make any such declaration where the plaintiff, being able to seek further relief than a mere declaration or title, omits to do so*?'. Setelah saya meneliti tuntutan pihak plaintif saya berpandangan bahawa tuntutan plaintif bukanlah hanya memohon perintah deklarasi semata-mata. Selain daripada permohonan bagi perintah deklarasi yang barang kemas di dalam peti simpanan tersebut adalah milik plaintif sepenuhnya, plaintif turut memohon perintah deklarasi bagi mahkamah mengisytiharkan defendan telah secara salah meletakkan beban pembuktian ke atas pemilikan barang-barang kemas tersebut.

Defendan juga telah secara salah menjual separuh dari barang kemas tersebut kepada plaintif serta plaintif turut menuntut dibayar kerugian dengan cara mendapat balik wang yang telah dibayar kepada defendan. Mahkamah ini sememangnya berbidang kuasa untuk mempertimbangkan relif seperti yang dituntut oleh plaintif di dalam saman pemula tersebut.

[17] Selain daripada itu, saya juga berpandangan bahawa plaintif adalah pihak ketiga yang tidak ada kaitan langsung dengan tindakan bankrap. Cuma secara kebetulan sahaja plaintif ada dinamakan bersama dengan si bankrap semasa menyewa peti simpanan tersebut di bank. Kes yang dirujuk peguam plaintif iaitu *Re Mohan Singh Exparte The Official Assignee* [1940] 1 MLJ 268; [1940] 1 LNS 85 secara jelas menggambarkan sikap mahkamah apabila berdepan dengan tuntutan pihak ketiga dalam kes kebankrapan. Setelah merujuk kepada keputusan Lord Selborne dalam kes *Ellis v Silber LR* 8 Ch App 83, McElwaine CJ membuat pemerhatian berikut:

> ... But jurisdiction or no jurisdiction they have leaned strongly against deciding the liability of a stranger to a bankruptcy in bankruptcy proceedings.
>
> In *Ellis v Silber* LR 8 Ch App 83 Lord Selborne said:
>
> > That which is to be done in bankruptcy is the administration in bankruptcy. The debtor and the creditors, as the parties to the administration in bankruptcy, are subject to that jurisdiction. The trustees or assignees, as the persons instrusted with that administration, are subject to that jurisdiction. The assets which come to their hands and the mode of administering them are subject to that jurisdiction; and there may be, and I believe are, some special classes of transactions which, under special clauses of the Acts of Parliament, may be specially dealt with as regards third parties. But the general proposition, that whenever the assignees or trustees in bankruptcy or the trustees under such deeds as these have a demand at law or in equity as against a stranger to the bankruptcy, then that demand is to be prosecuted in the Court of Bankruptcy, appears to me to be a proposition entirely without the warrant of anything in the Acts of

Parliament, and wholly unsupported by any trace or vestige whatever of authority.

In *Ex parte Musgrave, Re Woods* LR 10 Ch Div 94 James LJ said: 'A man who is merely said to be a debtor to the estate of a bankrupt cannot be brought compulsorily into a Court of Bankruptcy'.

Oleh itu, saya berpandangan bahawa plaintif yang merupakan *stranger* dalam tindakan kebankrapan yang telah difailkan terhadap orang lain boleh mengambil tindakan atau memulakan guamannya terhadap defendan yang mana telah menafikan hak ke atas harta miliknya tersebut melalui saman pemula bagi membuat tuntutan di bawah suatu peruntukan undang-undang yang lain, selain dari Akta 360. Walaupun seperti yang telah saya sebutkan sebelum ini bahawa mahkamah kebankrapan mempunyai bidang kuasa dalam menentukan perkara yang dipertikaikan oleh plaintif melalui bidang kuasa rayuan di bawah s 86 Akta 360, saya berpandangan bahawa mahkamah ini juga mempunyai bidang kuasa serentak (*concurrent jurisdiction*) bagi memutuskan perkara mengenai hak plaintif tersebut berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada di bawah Akta 137 dan prinsip kes yang telah diputuskan di atas.

(a) Pihak-pihak

[18] Pihak defendan juga telah membangkitkan persoalan mengenai pihak yang dinamakan dalam tindakan. Dikatakan bahawa defendan sepatutnya didakwa atas nama rasmi Ketua Pengarah Insolvensi bagi harta Sathumathavan a/l Kalatharan, si bankrap, seperti mana yang diperuntukkan di bawah s 83 Akta 360. Merujuk kepada persoalan ini, asas tindakan plaintif adalah terhadap keputusan defendan yang dikatakan telah menafikan haknya ke atas harta kepunyaannya sendiri. Jelasnya tindakan plaintif bukanlah berdasarkan tindakan dalam satu kes kebankrapan. Asas tindakan plaintif adalah di atas tindakan defendan yang dikatakan telah menafikan hak plaintif ke atas hartanya sendiri. Oleh itu saya berpandangan bahawa defendan boleh diambil tindakan di atas nama rasmi jawatan semasa tanpa merujuk kepada nama si bankrap dan peruntukan s 83 Akta 360 adalah tidak terpakai dalam tuntutan ini.

BAHAGIAN KEDUA

[19] Seterusnya persoalan yang perlu dirungkaikan dalam tuntutan plaintif adalah mengenai sama ada tindakan defendan memutuskan bahawa 50% nilai barang kemas di dalam peti simpanan tersebut diletak hak kepada si bankrap bagi defendan agihkan kepada pemiutang adalah wajar dan selaras dengan kuasa yang ada pada defendan.

[20] Tugas dan tanggung jawab defendan di dalam sesuatu kes kebankrapan di bawah undang-undang adalah bagi mendapatkan harta kepunyaan si bankrap untuk diagihkan kepada pemiutang (lihat s 24 Akta 360). Semasa menjalankan tugas mengumpul harta si bankrap, defendan boleh mengarahkan mana-mana pihak ketiga yang memegang harta si bankrap untuk menyerahkan harta tersebut (lihat s 55 Akta 360). Seterusnya defendan berkuasa untuk mengurus atau mengendali harta si bankrap bagi diagihkan kepada pemiutang (lihat s 60 Akta 360).

[21] Tanggungjawab si bankrap adalah untuk mengisytiharkan hartanya dan kegagalan berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan (lihat s 24 Akta 360).

[22] Dalam tindakan ini, defendan telah membekukan urusan berkaitan dengan peti simpanan tersebut setelah mendapat surat makluman daripada pihak bank yang memaklumkan defendan tentang penamaan si bankrap sebagai penama kedua peti simpanan tersebut. Defendan seterusnya telah meminta plaintif membuktikan bahawa keseluruhan barang kemas yang ada di dalam peti simpanan tersebut adalah miliknya. Plaintif telah mengemukakan surat penjelasan yang menyatakan keseluruhan barang kemas tersebut adalah peninggalan mendiang ibu dan mendiang suaminya. Memandangkan telah lama memiliki harta tersebut, semua resit belian telah tidak ada lagi. Plaintif turut mengemukakan surat akuan bersumpah si bankrap yang mengesahkan barang kemas dalam peti simpanan tersebut adalah kepunyaan plaintif sepenuhnya dan si bankrap tidak memiliki mana-mana barang kemas dalam peti simpanan tersebut. Defendan telah tidak berpuas hati dengan penjelasan plaintif dan dikatakan plaintif telah gagal membuktikan barang kemas tersebut adalah keseluruhan miliknya. Defendan telah memutuskan untuk meletak hak 50% nilai barang kemas di dalam peti simpanan tersebut sebagai milik si bankrap dan layak diagihkan kepada pemiutang oleh defendan.

[23] Ternyata dari peruntukan undang-undang yang ada, defendan telah diberikan kuasa untuk mentadbir harta si bankrap. Harta si bankrap termasuklah harta yang dipegang oleh pihak ketiga. Sekiranya harta tersebut milik si bankrap, ianya ada jelas dan mudah. Harta tersebut boleh secara langsung diurus dan dikendalikan defendan. Dalam hal ini Hakim Syed Barakbah (pada ketika itu) dalam kes *Chew Kean Kor v Beh Seng Siew* [1958] 1 MLJ 149 pernah memutuskan bahawa:

> ... it is clear that the property of a bankrupt become the property of the creditors and the official assignee was the trustee of the creditors. Thereafter, only the trustee could deal with the property and only he could effectively complain against the creditors.

Oleh itu defendan boleh meletak hak harta tersebut kepada dirinya untuk diagihkan kepada pemiutang. Sekiranya harta si bankrap berada di tangan

pihak ketiga, undang-undang memberi kuasa kepada defendan untuk meminta pihak ketiga menyerahkan harta tersebut untuk tujuan pengagihan. Dalam tindakan ini, setelah dimaklumkan oleh pihak bank, defendan berhak mendapatkan barang kemas yang ada di dalam peti simpanan tersebut sekiranya harta tersebut milik bersama plaintif dan si bankrap. Tindakan defendan yang meminta plaintif untuk membuktikan kepunyaan ke atas barang kemas tersebut adalah tindakan yang betul berdasarkan kuasa yang ada pada defendan. Dalam hal ini plaintif perlulah membuktikan bahawa keseluruhan barang kemas yang ada dalam peti simpanan tersebut adalah miliknya.

[24] Defendan pula, semasa mengambil tindakan berkaitan dengan harta yang dikatakan berada di tangan pihak ketiga perlulah lebih berhati-hati. Dalam hal ini, undang-undang adalah mantap bila mana Perlembagaan Persekutuan sendiri telah memberi jaminan kepada hak individu ke atas hartanya. Perkara 13(1) Perlembagaan Persekutuan secara jelas memperuntukkan:

> 13 Rights to property.
>
> (1) No person shall be deprived of property save in accordance with law.

Selain itu, sebagai seorang pentadbir di bawah undang-undang kebankrapan, defendan perlulah memastikan segala peruntukan undang-undang dan prinsip keadilan asasi dipatuhi sepenuhnya sebelum dan semasa membuat sesuatu keputusan yang boleh menjejaskan hak seseorang terhadap hartanya. Sehubungan itu, plaintif sewajarnya diberi peluang untuk didengar berkaitan tuntutannya terhadap barang kemas yang ada di dalam peti simpanan tersebut. Dalam kes *Ketua Pengarah Kastam v Ho Kwan Seng* [1977] 2 MLJ 152, Hakim Raja Azlan Shah (pada ketika itu) setelah menghuraikan dengan panjang lebar sejarah prinsip keadilan asasi dan seterunya telah memutuskan;

> In my opinion, the rule of natural justice that no man may be condemned unheard should apply to every case where an individual is adversely affected by an administrative action, no matter whether it is labelled 'judicial', 'quasi-judicial', or 'administrative' or whether or not the enabling statute makes provision for a hearing. But the hearing may take many forms and strict insistence upon an inexorable right to the traditional courtroom procedure can lead to a virtual administrative breakdown. That is because a formal hearing is too slow, too technical and too costly.

[25] Dalam tindakan ini, walau pun plaintif telah diminta memberikan penjelasan atau membuktikan kepunyaan harta tersebut secara bersurat, saya berpandangan bahawa hak untuk di dengar telah pun diberikan kepada plaintif. Walaupun begitu, ianya tidak terhenti setakat itu. Timbul pula persoalan sama ada defendan telah membuat satu keputusan yang wajar. Dalam hal ini saya berpandangan bahawa defendan perlulah membuat penelitian yang sewajarnya ke atas segala pembuktian yang ada dan perlulah

sentiasa berhati-hati semasa membuat keputusannya. Ini adalah kerana keputusan yang melibatkan pengambilan harta dari seseorang individu adalah disifatkan sebagai tindakan separuh jenayah (*quasi criminal*). Mahkamah Rayuan dalam kes *Saratogoa Sdn Bhd v Pentadbir Tanah Johor Bahru* [2013] 4 MLJ 431 telah memutuskan bahawa;

> It is trite that provision for forfeiture is quasi criminal in nature and court will frown at the decision to forfeit if procedural safeguards and compliance are not adhered to in the strict sense ...

Selanjutnya Mahkamah Rayuan memutuskan:

> It is well settled that every exercise of statutory power must not only be in conformity with the express words of the statute ... but above all must also comply with certain express and/or implied legal requirements... and must pass the acid test of reasonableness (see *Associated Provincial Picture Houses Ltd v Wednesbury Corporation* [1948] 1 KB 223; *Pemungut Hasil Tanah, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang v Ong Gaik Kee* [1983] 2 MLJ 35).

Jelasnya defendan bukan setakat bertanggung jawab memberi pertimbangan secara lahiriah atau zahirnya sahaja ke atas penjelasan dan pembuktian plaintif, sebaliknya defendan perlu juga mengenakan ujian kemunasabahan kepada penjelasan dan pembuktian yang dikemukakan plaintif.

[26] Setelah saya meneliti dan menimbang keterangan afidavit yang ada, saya berpandangan bahawa keputusan yang dibuat defendan telah gagal memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada penjelasan yang dikemukakan plaintif melalui surat-suratnya dan juga surat akuan bersumpah si bankrap yang menafikan kepunyaan barang kemas dalam peti simpanan tersebut. Fakta yang menunjukkan kesemua barangan yang disimpan adalah barang kemas selari dengan dakwaan plaintif yang menyatakan barang-barang tersebut miliknya. Si bankrap seorang lelaki yang kebiasaannya tidak memakai atau menyimpan barang kemas. Fakta tersebut disokong dengan keterangan dari akuan bersumpah si bankrap. Walaupun gagal mengemukakan resit belian, penjelasan plaintif yang menyatakan barang kemas tersebut sebahagian besarnya peninggalan pusaka dan telah lama dimiliki dan tidak lagi menyimpan resit pembelian adalah munasabah. Mahkamah Rayuan dalam kes *Juta Damai Sdn Bhd v Permodalan Negeri Selangor Bhd* [2014] 5 MLJ 676; [2014] 5 CLJ 318 telah membuat pemerhatian berikut:

> Returning to the question of proof, we observe that there is no provision that requires that such loss is only proveable by production of receipts. The best evidence rule requires proof not by the 'best evidence' but by the 'best evidence available'. The unavailability of receipts was explained on the grounds the receipts were not kept for more than six years. The explanation is not inherently implausible.

Oleh itu, sekiranya penjelasan plaintif dan bukti sokongan dari surat akuan bersumpah si bankrap tersebut diberikan pertimbangan yang sewajarnya,

sudah tentulah boleh disimpulkan bahawa si bankrap hanyalah sebagai penama bersama sahaja kepada peti simpanan tersebut dan merupakan pemegang amanah kepada harta plaintif. Oleh yang demikian, perenggan kecil s 48(1)(a)(i) Akta 360 secara jelas memperuntukkan bahawa harta yang dipegang oleh si bankrap bagi pihak orang lain tidaklah termasuk dalam harta yang boleh diagihkan kepada pemiutang.

[27] Selain itu saya juga berpandangan bahawa keputusan defendan meletak hak 50% nilaian barang kemas dalam peti simpanan tersebut kepada si bankrap adalah satu keputusan yang berbentuk sewenang-wenangnya (arbitrarily). Tidak ada asas kukuh yang boleh disandarkan defendan bagi mencapai keputusan tersebut. Peguam defendan telah merujuk kepada kes *Murli a/l Naraindas v Sajni Bai a/p Bulchand* [2012] 9 MLJ 10 bagi menjustifikasikan peratusan letak hak tersebut. Dengan hormatnya saya membezakan kes tersebut dengan tindakan yang ada di hadapan saya. Kes *Murli* adalah satu kes tuntutan perceraian. Pembahagian harta yang ada dalam peti simpanan di bank jelasnya milik bersama pempetisyen dan responden. Oleh itu kes *Murli* tidak boleh diikuti oleh mahkamah ini dalam memutuskan kewajaran tindakan defendan.

[28] Peguam defendan juga berhujah bahawa plaintif telah menawarkan kepada defendan untuk membeli balik 50% nilaian barang kemas dalam peti simpanan tersebut. Tindakan plaintif menunjukkan 50% barang kemas tersebut bukan milik plaintif tetapi milik si bankrap. Sekali lagi saya tidak dapat bersetuju dengan hujahan pihak peguam defendan. Defendan tidak boleh dasarkan keputusannya kepada anggapan. Plaintif tidak boleh dianggap tidak memiliki 50% dari barang kemas tersebut semata-mata kerana telah bersetuju membelinya balik dari defendan. Penjelasan plaintif yang menyatakan bahawa harta tersebut mempunyai nilai sentimental kepadanya kerana peninggalan mendiang ibu dan mendiang suaminya selari dengan fakta tentang kesanggupan plaintif membeli balik harta tersebut kerana takut akan kehilangan harta tersebut buat selama-lamanya.

KEPUTUSAN

[29] Hak individu ke atas hartanya dijamin oleh undang-undang tertinggi negara iaitu Perlembagaan Persekutuan. Akta 360 memperuntukkan defendan hanya boleh berurusan dengan harta milik si bankrap saja, termasuklah harta yang ada dalam milik pihak ketiga. Sekiranya terdapat tuntutan atau pertikaian dari pihak ketiga ke atas pemilikan harta yang dikatakan milik sebagai milik si bankrap, defendan hendaklah melaksanakan tugasnya dengan penuh hati-hati.

[30] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah dinyatakan, saya mendapati dan memutuskan bahawa defendan telah gagal memberikan

pertimbangan yang sewajarnya kepada pembuktian yang telah dikemukakan oleh plaintif semasa menuntut kembali barang kemas yang di simpan dalam peti simpanan tersebut. Oleh yang demikian, keputusan untuk meletak hak 50% barang kemas yang ada dalam peti simpanan tersebut adalah suatu keputusan yang telah menjejaskan hak kepunyaan plaintif ke atas hartanya. Dengan itu saya membenarkan tuntutan plaintif seperti mana yang dinyatakan di perenggan (a), (b), (d), (e) dan (f) saman pemula. Kos sebanyak RM3000 diberikan kepada plaintif.

Tuntutan plaintif dibenarkan.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor